

## **Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan pada pagi tadi telah membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 di Peringkat Jawatankuasa khusus mengenai Belanjawan Kementerian Perhubungan. Maka bagi membolehkan kita meneruskan untuk membincangkan dan meneliti Belanjawan Tajuk Kementerian Perhubungan di Peringkat Jawatankuasa ini, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneruskan pertimbangan dan perbahasan Belanjawan Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A – Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Perhubungan sebelum kita menangguhkan mesyuarat tadi akan membuat kenyataan bagi beberapa mesyuarat yang telah ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat. Maka dengan itu, saya

berikan kesempatan ini kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

### **Yang Berhormat Menteri Perhubungan:**

Sebelum kaola menjawab soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad. Kaola ingin berbalik semula kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim berhubung dengan aduan-aduan yang dibuat melalui nombor telefon *MTLA* 123 ataupun nombor 7292017.

Mengikut maklumat yang ada, sebanyak 253 aduan diterima melalui nombor telefon 123 sepanjang tahun 2016 sahaja dan diambil tindakan semuanya. 50% aduan adalah cuai memandu, 30% trak yang membawa lebih muatan, 5% meletak kereta tidak menentu, 15% lampu brek tidak berfungsi, plat pendaftaran tidak terang dan sebagainya.

Manakala, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Darat melalui nombor telefon 7292017 menerima sebanyak 313 aduan yang menggunakan *whatsapp* sejak tahun 2016 hingga sekarang. 60% daripada aduan ialah kenderaan yang mengeluarkan lebih asap, 20% plat pendaftaran kabur dan 20% "kenderaan sapu".

Berbalik kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat tadi mengenai pelesenan teksi. Ketika ini pelesenan teksi diselenggarakan oleh *MTLA (Multi Transport License Authority)* yang akan

menimbangkan kesesuaian sesuatu kenderaan itu untuk dijadikan teksi untuk memenuhi keperluan orang ramai dan pelanggan.

Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) mengambil maklum bahawa sudah banyak jenis kenderaan mewah yang telah dicipta dan direka bentuk seperti *multi purpose vehicle* yang digunakan di tempat lain sebagai teksi yang dapat membawa muatan yang banyak. Ini bermakna ia bergantung pada apa jenis kenderaan itu sendiri sama ada ia layak atau sebaliknya untuk dijadikan teksi.

Maka, perkara itu dapatlah dihadapkan kepada pihak *MTLA* untuk menimbangkan kesesuaian tersebut. Kaola sendiri tidak dapat memberi keputusan secara menyeluruh bahawa sama ada sesuatu kenderaan itu boleh atau tidak.

Ketika ini, JPD telah memperkenalkan *multitier license*. Tujuan untuk *multitier license* ini untuk meluaskan lagi peluang perniagaan kepada pemandu-pemandu teksi memandangkan pasaran yang terlalu kecil. Teksi-teksi sekarang ini didaftarkan ataupun diberi lesen terutama sebagai perkhidmatan teksi. Ia juga diberikan lesen atau perkhidmatan *limousine service* dan teksi yang sama juga diberikan kebenaran untuk perkhidmatan kereta sewa pandu sendiri.

Walau bagaimanapun, ada tatacara dan aturannya apabila kenderaan berkenaan digunakan sebagai teksi, mesti ada tanda "teksi" untuk memudahkan pihak penguatkuasaan undang-undang melaksanakan tugas mereka.

Mengenai *business model* untuk memberikan perkhidmatan teksi yang banyak ketika ini seperti yang diketahui ialah teksi-teksi persendirian. Seperti yang dialami sendiri oleh Yang Berhormat, mana-mana syarikat yang ingin mengadakan syarikat perkhidmatan teksi di negara ini juga tidak ditegah, asalkan ia mengikut syarat-syarat yang ditentukan seperti juga yang dikenakan kepada teksi-teksi persendirian dengan erti kata boleh menubuhkan satu syarikat teksi tetapi dengan syarat pemandu dan kenderaan yang digunakan adalah lebih dahulu berdaftar kepada JPD.

Perlu juga ditegaskan bahawa pemandu-pemandu teksi yang berhajat untuk memberikan perkhidmatan teksi di negara ini hendaklah terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sahaja.

Berhubung "teksi sapu" yang berleluasa di negara ini memang perkara ini diakui. Salah satu sebab mengapa "teksi sapu" ini laris dan cukup popular, memandangkan bahawa sistem perkhidmatan bas bukan sahaja perkhidmatan teksi seperti orang ramai beranggapan, sistem perkhidmatan bas tidak begitu efisien maka mereka memilih untuk menggunakan "teksi sapu".

Sedangkan harga yang ditawarkan untuk "teksi sapu" itu jauh lebih murah dari harga menggunakan teksi lebih mirip kepada harga menggunakan bas makanya "teksi sapu" ini lebih mudah terutamanya bagi orang-orang dari luar negara.

Mengikuti operasi yang dilaksanakan oleh JPD dalam bulan Februari 2017 sahaja telah menangkap dan mengkompaun 9 orang pemandu iaitu tambahan kepada 5 orang yang telah dikompaun sebelum 5 Februari. Dari 9 orang itu 4 orang adalah orang tempatan dan 5 orang adalah warga asing dan semua maklumat warga asing ini telah dihadapkan ke Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.

Mengenai kesan bas awam terhadap kenderaan persendirian. Kaola berlainan pendapat sedikit dan ingin mengongsikan kajian yang dibuat oleh *American Bus Transportation System* yang menunjukkan bahawa sebanyak 40% penumpang bas di Amerika adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kereta dan 20% adalah lebih mempunyai 2 buah kereta.

Dan juga jika dilihat mengikuti pengalaman dari negara-negara jiran yang sistem pengangkutan awamnya lebih efisien hampir setiap ke-20 meter ke-30 meter ada *access to public transportation* masih mempunyai kereta persendirian yang banyak sehinggakan harga jualan kereta berkenaan dinaikkan ke tahap yang jauh lebih tinggi kalau dibandingkan dengan Negara Brunei Darussalam.

Maka dengan itu, dengan pengenalan sistem bas pengangkutan awam ini tidak semestinya akan menjejaskan perniagaan kereta persendirian di negara ini. Kalau dilihat dari apa yang berlaku di tempat lain.

Mengenai kajian yang dilaksanakan, pengguna-pengguna bas Bahagian Pengangkutan di Kementerian

Perhubungan, sebelum Kementerian Perhubungan mengambil keputusan untuk melancarkan projek ini sudah melaksanakan kajiannya. Dari kajian itu menunjukkan bahawa keperluan untuk mengadakan *alternative transportation* ini ternyata sekali khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan perbincangan bersama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pegawai-pegawai dari kedua-dua buah kementerian telah berunding mengenai masalah kemiskinan di negara ini, bahawa sejumlah besar daripada pendapatan itu dibelanjakan kepada pengangkutan persendirian. Ini yang menimbulkan masalah sosial, masalah perbelanjaan rumah tangga di negara ini iaitu sebahagian besar daripada pendapatan itu dibelanjakan kepada keperluan-keperluan pengangkutan;

1. Mengenai pengangguran. Ternyata sekali mana-mana orang yang ingin mencari pekerjaan adalah menjadi satu syarat bahawa mereka harus mempunyai kenderaan. Ini lagi menimbulkan kesusahan dalam mencari pekerjaan. Maka menimbulkan keperluan harus ada *alternative transportation* yang efisien, yang berkesan yang mempunyai *connectivity*;
2. Penuntut-penuntut di pengajian tinggi seperti di universiti dan sebagainya memerlukan *transportation* untuk berjalan ke tempat lain dan berjalan dari kampus-kampus unversiti. Dengan keadaannya sekarang mereka lebih

tertumpu di institusi berkenaan tanpa ada keupayaan untuk ke mana-mana untuk membuat kajian dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Ada persoalan mengenai penglibatan *foreign direct investment* dan juga *GLC* dalam pengendalian bas awam ini. الحمد لله projek ini telah pun ditenderkan dan perkara ini sedang dalam proses penilaian.

Dalam proses *tender* ini ada beberapa buah syarikat dari luar negara turut serta dan menunjukkan minat untuk memberikan/menghulurkan Perkhidmatan bas di negara ini. Cuma *business modal* mereka itu terserah, mungkin ada yang ingin menawarkan 100% modal dan mungkin ada dalam bentuk *PPP* dan sebagainya. Itu masih terbuka dan bergantung pada cadangan *tender* tersebut.

Akhir sekali, mengenai masalah teksi-teksi yang tidak menunjukkan meter, mengenakan bayaran tinggi dan juga mengenai woksypop yang bising, kotor dan sebagainya Yang Berhormat Pengerusi. Perkara ini dari segi pemantauan susah untuk dilaksanakan. Tapi perkara ini memang diakui terjadi.

Apabila perkara ini terjadi, apa yang abis kaola pohonkan adalah pihak orang ramai untuk melaporkan terus kepada pihak-pihak yang berkenaan. Barangkali tidak perlu untuk dibawa ke peringkat permesyuaratan negara, tetapi perkara ini harus disampaikan ke pihak-pihak yang berkenaan.

Kalau yang berkaitan dengan teksi, dilaporkan kepada *JPD* dan setiap teksi dikehendaki untuk memaparkan nama pemandu dan juga nombor telefon untuk membuat aduan.

Begitu juga woksypop-woksypop yang bising, kotor dan sebagainya, perkara ini harus dilaporkan kepada pihak-pihak yang berwajib. Tidak perlu kitani bincangkan dari segi apa dasarnya kitani, pemantauan kitani, sebab perkara ini kadang-kadang hari ini baik ia, esok indatah baik. Pihak abis kaola berharap kepada maklumat daripada orang ramai memastikan bahawa segala peraturan ini dipatuhi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang untuk meneruskan perbincangan kita, saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Lebih dahulu kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas pelaksanaan dan perancangan yang dibuat dengan sebaik-baiknya.

Kaola ada 2 soalan berkenaan:

1. Dibawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat. Kaola berminat dengan perkara

penstwastan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang melebihi usianya 7 tahun dan lain-lain. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** beberapa kebaikan daripada perkhidmatan ini seperti perkhidmatan yang mudah didapati dan hanya satu tempat sebelumnya hanya di Jabatan Pengangkutan Darat di daerah-daerah dan tidak perlu berbaris lagi.

Soalan kaola, apakah ada terma dan syarat-syarat pemilihan syarikat-syarikat perkhidmatan tersebut di atas seperti sekurang-kurangnya mengutamakan syarikat-syarikat yang dijalankan oleh rakyat Brunei dan sekurang-kurang 50% tenaga kerja rakyat Brunei dalam woksyp-woksyp yang terpilih?

2. Seterusnya ialah masih berkenaan dengan Jabatan Pengangkutan Darat. Apakah usaha pihak kementerian atau Jabatan Pengangkutan Darat bagi penyediaan peluang pekerjaan pada rakyat Brunei seperti memberikan syarat-syarat kepada industri permotoran supaya *middle managers* dalam kalangan pekerja asing digantikan dengan rakyat Brunei dalam jangka yang bersesuaian?

Mengurangkan mekanik-mekanik rakyat asing sekurang-kurangnya 30% dan diberikan kepada rakyat Brunei peluang-peluang pekerjaan kerana kita sendiri ada penuntut-penuntut dari sekolah-sekolah vokasional yang ada mengeluarkan mekanik-mekanik kenderaan.

Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

### **Yang Berhormat Menteri**

**Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas sokongan kepada usaha-usaha yang dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Darat selama ini khususnya mengenai penstwastan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang melebihi dari 7 tahun dan juga keprihatinannya dengan penyediaan peluang pekerjaan.

**الْحَمْدُ لِلَّهِ** seperti yang dimaklumi bahawa usaha ke atas meng*out-source mechanical inspection centre* ini sebenarnya bukanlah atas asas pemilihan Kementerian Perhubungan ataupun Jabatan Perdana Menteri. Ia berasaskan kepada penyertaan dari bengkel-bengkel berkenaan.

Cuma syarat yang ditetapkan ialah bengkel-bengkel berkenaan hendaklah terdiri daripada woksyp atau bengkel yang mempunyai *Class 'A'* yang mempunyai cukup alat kelengkapan dan cukup kemahiran pekerjaanya dan layak dilantik untuk menjadi Pegawai Pemeriksa.

Syarat-syarat pemeriksaan sudah termaktub dalam peraturan Jabatan Pengangkutan Darat dan cuma ia akan dikongsikan supaya satu latihan diadakan kepada bengkel-bengkel berkenaan.

Harus difahami bahawa untuk melaksanakan pemeriksaan ini sebenarnya kalau akan dikira dari segi

belanjawan kerajaan dan untuk mengadakan pegawai-pegawai yang layak untuk membuat pemeriksaan dan kalau dikira dari segi jumlah kereta yang ada di Negara Brunei Darussalam yang semakin meningkat hampir 8% setahun ini, adalah mustahil untuk Jabatan Pengangkutan Darat berupaya untuk membuat pemeriksaan keseluruhannya.

Kadang-kadang apa yang berlaku tahap pemeriksaan itu adakalanya mendukacitakan jua. Masih kita melihat di jalan-jalan raya ini, kereta-kereta yang usulnya tidak layak untuk mendapat *road tax* itu. Atas asas *base on access capacity* dengan harapan *access on capacity* itu diadakan sebagai satu peluang bengkel-bengkel ini untuk membuka peluang perdagangan seperti pengubahsuaian, pembaikan dan sebagainya.

Dipersilakan datang ke bengkel-bengkel yang berkenaan untuk turut serta membantu Jabatan Pengangkutan Darat untuk mengadakan pemeriksaan tanpa mengubah harga-harganya itu, masih ditetapkan dengan harga \$5.00 pada masa ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sejauh ini sebanyak 13 atau 14 buah bengkel telah turut serta program pemberian dalam perkhidmatan pemeriksaan kenderaan ini dan pada keseluruhannya telah dapat mengurangkan bebanan Jabatan Pengangkutan Darat dalam memastikan bahawa setiap kenderaan di Negara Brunei Darussalam selama ini adalah *road worthy* yang boleh digunakan untuk yang boleh dipakai untuk dipandu di jalan raya.

*Road worthiness* ini merupakan satu keperluan dalam peraturan jalan raya. Kita amat berterima kasih kepada syarikat-syarikat yang berkenaan kerana turut serta. Perkara ini masih terbuka kepada mana-mana syarikat sama ada syarikat-syarikat orang Melayu, syarikat-syarikat Brunei yang ada di sini untuk turut serta memberi perkhidmatan berkenaan asalkan harga itu masih ditetapkan kepada harga yang digunakan pada masa ini.

Mengenai penyediaan peluang-peluang pekerjaan. Pendekatan dari Jabatan Pengangkutan Darat adalah berbeza, bukannya menentukan peraturan-peraturan Buruh. Ini lebih mirip kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Buruh mengenai berapa peratus harusnya orang Brunei dan berapa *local content* dan sebagainya.

Pendekatan Jabatan Pengangkutan Darat untuk menyediakan pekerjaan bagi orang ramai untuk penduduk dan rakyat di Negara Brunei Darussalam ialah dengan usaha untuk meningkatkan lagi sektor pengangkutan awam baik dari segi *land transport*, *sea transport* dan *air transportation*.

Disebabkan sektor ini mempunyai potensi untuk dikembanguaskan, kalau dilihat dari teksi sahaja barangkali banyak peluang pekerjaan dalam jangka 2 tahun ini sahaja boleh kita mengadakan peluang pekerjaan sebanyak 200-300 pekerjaan. Apabila *bus transportation* itu diadakan nanti, semua pemandu bas baharu ini dikhususkan untuk rakyat Brunei, dan

dari ada *spin off*nya seperti mengadakan sekolah-sekolah memandu dan sebagainya. Kerjaya sebagai pemandu bas itu akan dipanggil sebagai *Captain Bus*, *Post Officer* dan sebagainya ditinggikan tarafnya.

Semuanya ini akan dikhususkan untuk rakyat Brunei dan jika sekiranya tercapai usaha-usaha ini dalam 2-3 tahun ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** peluang-peluang pekerjaan bagi orang Brunei **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan meningkat hingga mencecah ke 1,000 orang. Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi mengenai perkara ini, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih atas penerangan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada hari Khamis yang lalu.

Kaola juga menyokong bajet yang telah diperuntukkan pada Kementerian Perhubungan.

1. Sukacita kaola merujuk di bawah Tajuk SN01A – Kementerian Perhubungan. **الْحَمْدُ لِلَّهِ**, kerajaan pada masa ini telah mengurangkan beberapa jenis cukai bagi mengurangkan bebanan rakyat

seperti mengurangkan peralatan kenderaan dan sebagainya.

2. Maka dalam Dewan yang mulia ini, kaola juga mencadangkan kepada pihak swasta seperti pihak *DST* agar dapat mengurangkan cukai tahunan telefon bimbit (*DST*) dari \$25.00 setahun kepada \$20.00 setahun bagi meringankan bebanan dan lebih menghargai suara pengguna terutama yang mempunyai banyak tanggungan untuk membayar cukai tersebut;

Kaola memohon pihak yang berkenaan yang mengeluarkan *Easi Kad* dan sebagainya untuk membuat pembaikan terhadap perkara tersebut dari segi percetakan nombor *top up*nya yang terlalu kecil sehingga golongan warga emas sukar untuk membacanya. Perlu kita ketahui juga penggunaan *Easi Kad* ini bukanlah sahaja terhad kepada golongan muda tetapi semua peringkat termasuk warga emas dan ini kaola rasa relevan untuk disuarakan.

3. Kaola merujuk di bawah Tajuk SN04A – Penerbangan Awam. Kaola menyentuh mengenai kadar tambang *Penerbangan Royal Brunei* pada musim cuti persekolahan nampaknya masih tinggi. Maka dengan itu dapatkah pihak *Penerbangan Royal Brunei* menimbangkan untuk membuat kadar murah atau *discount* ke destinasi negar-negara *ASEAN* kepada anak-anak yatim dan orang Berkeperluan Khas yang belayar

mengikut keluarganya pada musim cuti sekolah.

Dengan adanya tambang istimewa ini dapatlah mereka yang dalam golongan tersebut terutamanya anak-anak yatim yang kurang berkemampuan berpeluang menikmati *Penerbangan Royal Brunei* dan pihak *Penerbangan Royal Brunei* berpeluang membuat amal kebajikan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Nampaknya soalan ini lebih berbentuk *commercial decision* pada pihak-pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, mengenai cukai telefon bimbit itu, kaola akan serahkan kepada rakan sejawatan kaola dari pihak yang berkenaan untuk mungkin dapat memberi sedikit penerangan mengenai cukai-cukai telefon bimbit yang dikenakan oleh pihak *DST*.

Begitu juga mengenai *Easi Kad* ini akan kaola sampaikan kepada pihak *TelBru* untuk memastikan supaya cetakkan nombor-nombor yang terdapat di atas *Easi Kad* itu akan mudah dibaca oleh orang-orang tertentu.

Kadar tambang. Ini juga merupakan satu pertimbangan perniagaan kepada pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, ingin kaola tekankan bahawa pihak *Civil Aviation Authority* juga memantau harga-harga tiket ini untuk memastikan bahawa ia setara dengan harga-harga tiket

yang dihulurkan oleh syarikat penerbangan di tempat lain dan memastikan jangan ada satu proses iaitu peperangan harga ataupun *price war* menjadikan pemasaran penerbangan ini terjejas.

Itu sahaja yang kaola maklumkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Adakah Ahli Yang Berhormat lain suka untuk menjawab soalan ini ataupun apa. Kalau tidak, kita beralih kepada Ahli Yang Berhormat lain untuk menyoal. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ  
 kaola menyokong penuh dengan cadangan dan pembentangan Anggaran Belanjawan Perbekalan 2017 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada hari Khamis yang lalu bagi Kementerian Perhubungan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan beberapa isu dan persoalan, telah pun dibangkitkan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kaola meneruskan bagi ikut sama membangkitkan isu yang sama tetapi dengan masalah yang lain, yang belum disentuh di bawah Tajuk SN02A – Jabatan Laut, iaitu berhubung masa hadapan pengusaha-pengusaha “bot laju” Daerah Temburong jika jalan



penghubung sudah digunakan dan "perahu tambang" Sungai Brunei jika jambatan penghubung ke Sungai Kebun juga digunakan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Dalam jangka 2 tahun dari sekarang, pengusaha "bot laju" yang beroperasi dari Daerah Temburong ke Bandar Seri Begawan dan sebaliknya mungkin akan terjejas, kerana sebilangan besar pengguna-pengguna akan beralih menggunakan jalan darat yang lebih mudah, cepat dan senang.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin tahu apakah usaha dan perancangan Kementerian Perhubungan bagi menyambung hayat pengusaha "bot laju" Daerah Temburong ke Bandar Seri Begawan dan juga "perahu tambang" Sungai Brunei. Barangkali ramai daripada mereka ini nanti akan kehilangan pekerjaan sebagai mata pencarian hidup, menyara kehidupan keluarga masing-masing.

Persoalan yang ada hubungannya dengan yang kaola timbulkan ini ialah sukacita juga ingin mengetahui perkembangan peraturan pengangkutan laut, iaitu adakah sudah *di-review*, maksud kaola khususnya mengenai keramaian penumpang pada misalannya daripada 12 orang penumpang kepada lebih penumpang seperti 20/30 penumpang dan seterusnya.

Begitu juga insurans "bot laju" dan "perahu tambang", ini termasuklah juga pengusaha "perahu tambang" ini akan kepatuhan mereka akan undang-undang

peraturan yang dikuatkuasakan dan pada ketika ini dan jika sudah ada menilai kaola memohon penjelasan lanjut mengenainya.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinannya pada pemaju-pemaju "bot laju" dan "perahu tambang" yang akan menghadapi keadaan yang berubah terutamanya apabila jambatan yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Daerah Brunei Muara telah pun siap nanti dan juga jambatan yang menghubungkan Bandar Seri Begawan dengan Sungai Kebun, itu nanti sudah siap.

Ini memang satu kenyataan yang akan dihadapi dan kaola amat berterima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat membangkitkan perkara ini. Mungkin jawapannya bukan ada pada abis kaola. Walau bagaimanapun kitani harus fikirkan bahawa dengan adanya jambatan-jambatan tersebut akan lebih banyak peluang pekerjaan dan perdagangan akan lebih terbuka. Ini yang harus kita terangkan dan maklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan, terutamanya pemaju-pemaju "bot laju" dan "perahu tambang" dan juga pemandu-pemandu bot sendiri supaya akan memikirkan untuk berhijrah daripada keadaan sekarang kepada keadaan lain dan untuk menyediakan diri dengan kemahiran yang perlu ada pada

diri dalam menghadapi suasana baharu itu.

Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa banyak fasiliti yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menggalakkan rakyat di negara ini untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan dan juga peluang-peluang untuk mempertingkatkan diri dan menghadapi kemahiran-kemahiran baharu.

Ini perlu ada kesedaran ini dari awal sebelum lagi jambatan itu siap dan harus kita menerima kenyataan ini bahawa keadaan akan berubah tapi bukan semestinya keadaan itu berubah kepada keadaan yang kurang baik. Peluang-peluang itu akan lebih besar terbuka seperti jawapan kaola tadi kepada Yang Berhormat bahawa salah satu aspek yang akan berubah ialah demografi.

Penduduk akan semakin ramai, akan membuka peluang pelancongan, perdagangan dan *إن شاء الله* pekerjaan. Ini yang kitani harapkan terjadi makanya ada pelaburan dengan jumlah wang yang besar untuk membuka lagi perekonomian di kawasan tersebut . Ini harus kita sambut dengan baik. Bagi yang berkenaan telah juga menyiapkan diri dengan ilmu dengan kemahiran yang baharu untuk menghadapi kenyataan ini.

Mengenai peraturan-peraturan laut. Ingin kaola jelaskan bahawa semua peraturan kapal di laut ini adalah

di bawah kawalan *IMO (International Maritime Organization)*. Semua kapal-kapal yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam yang menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan tempat-tempat/negara-negara lain dikehendaki untuk mengikut piawaian yang ada iaitu kapal-kapal berkenaan mengikut saiznya hendaklah mesti ada *seaworthy*, dengan mengikut saiznya itu berapa boleh dibenarkan untuk memuatkan penumpang atau menjejaskan berat kapal berkenaan.

Semua ini bukannya kita membuat keputusan menambah penumpang begitu sahaja tetapi berasaskan kepada piawaian yang ditetapkan oleh *International Maritime Organization (IMO)*.

Dalam pada itu, apa yang kaola terangkan tadi perlunya Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan *domestic classification* sendiri. Itu sahaja yang difikirkan untuk menggalakkan perairan Sungai Brunei ini untuk dipermajukan lagi dengan menggunakan *classification domestic* yang dikhususkan untuk Negara Brunei Darussalam sahaja.

Nanti dapat kita menimbangkan mana bot-bot yang ingin diubah suai, dibesarkan, dikecilkan dan sebagainya sama ada ia sesuai boleh menepati kehendak-kehendak *seaworthiness*, dapat kitani menentukan nanti.

Proses untuk mengadakan *domestic classification* ini, Jabatan Laut akan menggunakan khidmat nasihat dari pihak-pihak konsultan yang tertentu dan boleh memberikan perkhidmatan

tersebut. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang ingin kaola terangkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. dan salam sejahtera. Kaola bercakap di bawah Tajuk SN05A – Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan. Berdasarkan Pertunjuk Prestasi Utama (KPI) Jabatan Pengangkutan Darat iaitu jumlah Perkhidmatan JPD secara *online* di lokasi mudah alih dan mesin automatik bukan kaunter dengan angka sebenar bagi tahun 2015/2016 berjumlah \$13,365 dan menunjukkan peningkatan sebanyak \$3,365.

Dari jumlah anggaran sebanyak \$10,000.00. Perkembangan ini bolehlah dinilai bahawa sistem ini telah pun mendapat sambutan yang terbaik dari orang ramai dan jumlah ini dijangka meningkat dari semasa ke semasa. Kaola mengucapkan syabas atas usaha Jabatan Pengangkutan Darat ke arah memberikan kemudahan ini kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin mencadangkan agar sistem ini dapat diperluaskan perkhidmatannya dari semua aspek seperti:

1. Meningkatkan sistem keselamatan, menyimpan data peribadi, dokumen sistematik pengguna bagi memberikan keyakinan kepada pihak orang ramai.
2. Menyediakan urusan atas talian yang serba lengkap termasuklah peralatan penghantaran pintu ke pintu bagi cukai jalan dan lesen memandu melalui perkhidmatan pos laju (*EMS*).
3. Yang Berhormat Pengerusi. Selain itu kaola juga ingin mengetahui berkenaan dengan pernyataan aduan *MTLA 123* yang terdapat di kenderaan komersial seperti lori, bas, kereta sewa dan kereta syarikat.

Mengikut catatan Jabatan Pengangkutan Darat sejauh manakah keberkesanan aduan ini diguna pakai oleh orang ramai dan apakah jenis-jenis aduan yang kerap dikemukakan terhadap kenderaan tersebut?. dan

Apakah tindakan susulan dan proses yang diambil bagi menangani aduan-aduan ini?.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih. وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab dahulu soalan yang terakhir. Perkara itu kaola terangkan sudah mengenai kesannya ataupun aduan-aduan yang telah diterima seperti yang kaola

nyatakan tadi bahawa semua aduan-aduan itu telah diambil tindakan.

Salah satu proses yang telah dilaksanakan ialah untuk memanggil kenderaan dan pemandu-pemandu berkenaan untuk datang ke Jabatan Pengangkutan Darat. Untuk memastikan lebih dahulu dan membuat pengakuan sama ada kesalahan-kesalahan itu benar dan sebagainya.

Selepas itu, tindakan-tindakan yang bersesuaian akan diambil seperti kompaun yang diputuskan kepada yang berkenaan. Dalam apa juga keadaan adalah penting bahawa pihak yang terlibat itu betul-betul mengakui akan kesalahan yang berlaku itu.

Mengenai penggunaan sistem *online* ini merupakan salah satu usaha yang diungkayahkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat untuk mengurangkan kedatangan orang ramai ke Jabatan Pengangkutan Darat. Pernah sekali keramaian orang yang berkunjung di Jabatan Pengangkutan Darat sampai di luar bangunan beratur dan ada yang datang seawal-awalnya sampai pukul 6 pagi. Makanya diadakan sistem *online* itu. Banyak tatacara telah dipermudahkan.

Apa yang abis kaola ingin harapkan ialah kalau boleh jangantah lagi datang ke Jabatan Pengangkutan Darat. Gunakanlah *ICT* dan komputer untuk memperbaharui cukai jalan itu. Memang jadi harapan nanti untuk menggunakan Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menyampaikan cukai jalan dan sambil itu memastikan bahawa alamat-alamat

orang yang berkenaan adalah tepat dapat disahkan dan bukannya alamat-alamat palsu.

Penggunaan *ICT* dan *online registration* ini akan diperkembangluaskan. Malahan baru-baru ini abis kaola memikirkan kalau boleh kaunter ditiadakan dan yang ada hanyalah *desktop* sahaja untuk orang ramai terus menghampiri komputer. Satu masa mereka tidak perlu lagi ke Jabatan Pengangkutan Awam hanya di rumah, tempat kerja sudah membuat proses permohonan pembaharuan cukai jalan.

Itu saja yang abis kaola harapkan. Tidak lagi ada kaunter yang ada kaunter hanya untuk menerima pembayaran sahaja.

Sehinggakan satu masa penerimaan pembayaran pembaharuan lesen ini boleh dilaksanakan melalui syarikat-syarikat insurans iaitu pembaharuan lesen dan juga keperluan untuk mengadakan insurans tidak dapat dipisahkan. Jadinya mungkin sekali jalan ke syarikat insurans sahaja sudah dapat dilaksanakan semua. Perkara itu sedang difikirkan dan sedang diusahakan bergantung pada persetujuan dari pihak berkenaan untuk melaksanakan idea itu.

Walau bagaimanapun, Jabatan Pengangkutan Darat ketika ini ingin mempertingkatkan lagi sistem *SPD* yang ada kepada satu *management* sistem. Perkara ini penting, bagi abis kaola memikirkan bahawa seperti yang kaola terangkan banyak kenderaan yang berdaftar di negara ini gagal untuk memperbaharui lesen kenderaan mereka

sama ada yang mencapai 70,000.00 lebih. Kurang pasti sama ada kereta-kereta ini sudah dilupuskan, dihapuskan ataupun tidak lagi ada.

Belum dapat dipastikan, melainkan dengan cara ada *ICT* secara automatik ia mengeluarkan peringatan saja ataupun terus mengeluarkan kompaun kalau sekiranya tidak diperbaharui kenderaan tersebut. Itu memudahkan cara di Jabatan Pengakutan Darat dengan adanya sistem *ICT (Management system)*. Kegagalan untuk membayar cukai jalan dan sebagainya secara otomatik terus dikeluarkan amaran dan kompaun.

Itu sahaja yang dapat kaola terangkan mudah-mudahan kedua-dua itu dapat menjawab apa yang disoalkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
الَّتِي كَانَتْ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Kaola akan menyentuh di bawah Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan. Dalam kehidupan seharian ini selain dari kita beramal soleh kita juga perlu mendapatkan hiburan yang seimbang bagi

melepaskan penat lelah dan stres atas beban yang memikul tanggungjawab kerja atau selepas menghadiri mesyuarat misalnya dengan bermacam-macam cara iaitu satu daripadanya ialah dengan menonton televisyen sama ada rancangan tempatan mahupun luar negeri yang menggunakan *parabola*.

Bercakap mengenai *parabola* masih adakah usaha mengutip bayaran penggunaan *parabola* yang diperkenalkan oleh Kementerian Perhubungan beberapa tahun yang lalu untuk perkhidmatan siaran televisyen di negara ini. Jika masih ada ke manakah kutipan disalurkan dan adakah kepada kerajaan atau kepada pengendali satelit dan berapa jumlah pengguna ataupun pelanggan yang terkumpul sejauh ini?;

2. Apakah ada usaha-usaha dan perancangan Kementerian Perhubungan untuk membukakan penambahan *provider* telefon *internet* dari yang ada pada masa ini. Seandainya ada penambahan *provider* tentunya dapat menciptakan persaingan yang hebat dan menarik dari segi harga dan pakej yang ditawarkan. Harga *internet* di Brunei jauh lebih tinggi jika dibandingkan negara-negara lain termasuk negara tetangga kita.

Kemudian kaola merujuk di bawah Tajuk SN02A - Jabatan Laut. Pada zaman dahulu kala laut ataupun perairan dijadikan sebagai laluan untuk perhubungan sebelum tercipta pesawat

kapal terbang. Laut juga adalah tempat mencari sumber rezeki seperti menangkap ikan, udang, kerang-kerangan dan lain-lain lagi. Untuk itu kita hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatannya.

Sehubungan dengan itu, apakah bentuk usaha Kementerian Perhubungan khususnya Jabatan Laut untuk mengawal dan memastikan perairan di negara ini tidak dicerobohi oleh pendatang-pendatang haram, nelayan ataupun penangkap ikan secara haram serta penyeludupan tenaga kerja secara haram melalui perairan. Kemudian kaola merujuk di bawah Tajuk SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos. Setakat ini berapa buah negara yang mempunyai perjanjian pos laju dengan Negara Brunei Darussalam? Bagaimanakah dengan perkhidmatan ini? Adakah mendatangkan keuntungan atau meningkatkan kos operasi?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang begitu menarik.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin memohon penangguhan sedikit untuk menjawab soalan yang berhubung dengan *parabola* sebab Yang Berhormat menghendaki data-data mengenai kumpulan pengutipan bayaran dan juga

keramaian pelanggan yang memakai *parabola* di Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai *service provider telephone and internet* telefon ini, satu perkara yang harus kita maklumi ialah di Negara Brunei Darussalam ini penduduknya cuma 420,000 orang lebih Yang Berhormat Pengerusi. Kita masa ini sudah ada 3 *service providers* iaitu *TelBru*, *DST* dan *PCSB*.

Kalau di negara lain seperti Singapura dengan penduduknya yang seramai hampir 7 juta itu keramaian *service providemya* pun kurang lebih sama. Kalau tidak pun 4 atau 5 saja. Jadinya dari segi *competition* itu memang sudah ada dengan adanya ketiga-tiga *service provider* itu sudah ada persaingan harga dan juga produk yang akan diberikan sehingga sekarang ini kita lihat perkembangannya.

Dari pandangan abiskaola sendiri dan juga menjawab soalan dari Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad tadi mengenai perkara yang sama. Di tempat lain mengamalkan sistem pasaran bukannya pasaran terbuka bukannya sistem *lazy fair* ataupun *free market* yang semua orang yang ingin menggunakan perkhidmatan itu dibiarkan saja macam itu. Yang boleh menjejaskan ataupun memulakan *price war* ini seperti yang pernah berlaku semasa *B.mobile*. Maka adalah wajar bagi kita untuk memastikan bahawa kita mempunyai sukat-sukat tertentu.

Seperti yang kaola terangkan pada masa mukadimah pada khamis lalu, kalau kita

mengikut sukat-sukat yang ditetapkan oleh *International Telecommunication Union (ITU)* iaitu mengikut *average* di bawah 5% daripada *average salary* di negara ini kita sudah jauh lebih rendah dari sukat-sukat itu. Tetapi kalau kita menggunakan sukat-sukat dari negara *ASEAN* banyak faktor yang harus kita ambil kira sebagai contoh jumlah penduduk yang ada di negara itu, *cost of living*, *economies of scale* dan sebagainya harus diambil kira yang menyebabkan perkara-perkara ini barangkali di tempat lain jauh lebih murah dari Negara Brunei Darussalam. Makanya ada perbezaan harga tapi mengikut sukat-sukat oleh *ITU*, kita اللهُ الْحَمْدُ dalam keadaan yang selesa.

Mengenai Jabatan Laut. Mengenai aktiviti-aktiviti haram (*illegal fishing activities*). Perkara ini di bawah tanggungjawab Jabatan Keselamatan Dalam Negeri. Kaola akan merujuk perkara ini kepada pihak yang berkenaan untuk memberi penerangan lanjut mengenai operasi-operasi yang dilaksanakan di pesisiran pantai dan penubuhan *Maritime Coordination Center* untuk memastikan aktiviti-aktiviti ini dapat dikekang.

Mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos Laju. Sebenarnya Jabatan Perkhidmatan Pos Laju di Negara Brunei Darussalam kita mengikut kehendak ataupun persetujuan di bawah *Universal Postal Union (UPU)* iaitu penghantaran surat ini ada perjanjian berapa kita hantar ke luar, apa kita dapat apabila kita menghantar persuratan dan bungkusan itu dan juga bungkusan yang kita terima dalam

negara ini ada sudah kuotanya dan ini melibatkan semua ahli negara *UPU*. Pendapatan itu kita ambil daripada perkiraan dari *UPU*, berapa yang sudah dikeluarkan di Negara Brunei Darussalam, berapa yang diterima dan perkiraannya seperti *input* dan eksport juga.

Jadinya ia tidak berasaskan kepada *bilateral arrangement* tetapi ia berasaskan kepada *multilateral arrangement* di bawah *Universal Postal Union (UPU)*. Di sanalah kita mendapatkan perkhidmatan itu.

Sebenarnya kuota yang diberi untuk Negara Brunei Darussalam adalah jauh lebih tinggi daripada apa yang dapat kita buat dari seri penghantaran dan penerimaan surat sehinggakan ada negara-negara yang kita beri kuota itu untuk mereka menghantar persuratan mereka. Mungkin *arrangement* ini terpaksa direviu memandangkan penghantaran ini menggunakan nama Negara Brunei Darussalam walaupun persuratan itu diedarkan ke negara-negara lain. Tetapi ada kebajikan kita membenarkan negara lain menggunakan kuota kita sebab pendapatan itu juga dikongsi dengan Negara Brunei Darussalam.

Itu saja yang ingin kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Momin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Momin:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu sukacita merakamkan dengan tulus ikhlas ucapan setinggi-tinggi penghargaan atas mukadimah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan kaola sukacita memberikan sokongan sepenuhnya atas pembentangan Peruntukan Pelan Strategik Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita ingin merujuk di bawah Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Yang Berhormat Pengerusi, visi Jabatan Pengangkutan Darat berbunyi:- *'Pengangkutan Darat Yang Cepak, Berkesan, Selamat dan Bersepadu'*.

Maka kaola dengan penuh yakin bahawa Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) akan menuju ke arah peningkatan sektor industri pengangkutan darat kepada menjana perkembangan ekonomi negara.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam meningkatkan usaha-usaha dan hala tuju yang disebutkan di atas, kaola fikir pihak Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) juga akan membuat langkah-langkah meningkatkan kesedaran pihak pemandu dan akur pada peraturan serta menanamkan sikap menghormati antara satu dengan yang lain.

Kaola ingin mengemukakan langkah-langkah lebih lanjut serta usaha-usaha bagi Jabatan Pengangkutan Darat (JPD)

membuat sesuatu untuk mencapai hasrat melalui visi JPD di samping akan menggubal undang-undang lalu lintas seperti yang dimukadimahkan demi mengangkat lebih tinggi lagi imej negara khusus dalam sektor industri pengangkutan darat.

Kaola ingin menghadapkan persoalan Yang Berhormat Pengerusi. Di 4 daerah di Negara Brunei Darussalam terutama juga di Daerah Belait, terdapat beberapa buah kilang papan yang kayu balak dibekalkan melalui pengambilan balak dari hutan pembalakan di mukim-mukim pedalaman di Daerah Belait.

Yang menjadi masalah ialah kenderaan berat yang membawa kayu balak ini membuat pengangkutan yang berlebihan sehingga jalan-jalan di pedalaman seperti Jalan Bukit Sawat, Merangking sehingga jalan menuju ke Buau dan Sukang mengalami kerosakkan dan menjadi masalah kepada pengguna jalan raya di kampung berkenaan.

Walaupun sudah ada perbincangan bersama pengurus-pengurus balak dan wakil-wakilnya di Peringkat Daerah Belait bersama Pegawai Daerah dan lain-lain supaya memberikan kerjasama memelihara jalan tersebut di samping itu supaya pemandu-pemandu trak membawa balak tidak melebihi had ketinggian di dalam trak yang sukat-sukatnya dihadkan dan dipasang oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Hal ini itu diabaikan dan malah dicabut kerana mengganggu ketinggian muatan balak yang mereka bawa tanpa mengikut



had peraturan Jabatan Pengangkutan Darat.

Oleh yang demikian, pihak masyarakat kampung mohon langkah-langkah penyelesaian selanjutnya. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat mengenai dengan maklumat tindak laku trak-trak kenderaan berat yang mengangkut kayu balak di kawasan yang dinyatakan. Perkara ini akan kaola akan tunduki bagi memastikan tatacara yang perlu diambil terutama menghendaki syarikat-syarikat yang berkenaan untuk membuat pengisytiharan bahawa syarikat-syarikat berkenaan mempunyai had berat yang tertentu dan membuat *declaration* bahawa kenderaan itu hanya membawa muatan mengikut kemampuan kenderaan berkenaan iaitu *exceed code* yang terdapat di kenderaan berkenaan. Perkara ini akan kaola tunduki Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:** اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang

Berhormat Menteri Perhubungan atas mukadimah Yang Berhormat.

Kaola ingin menyusul soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon mengenai berbasikal. Isu yang kaola hendak bangkitkan adalah mengenai kemalangan berbasikal (*cycling accident*).

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini kita dapat lihat peningkatan pengguna basikal dengan peningkatan pengguna basikal, kes-kes kemalangan berbasikal juga meningkat.

Statistik yang kaola dapat dari Laman Web Pengangkutan Darat Kementerian Perhubungan pada September 2015 terdapat 8 kes kemalangan berbasikal. Kaola tidak ada statistik untuk berbasikal pada tahun 2016 cuma dinyatakan di Laman Web setakat Mei ada 6 nyawa yang terkorban dari kemalangan jalan raya dan ini juga termasuk kemalangan *cyclist*. Jadi statistik bagi kemalangan berbasikal tidak ada bagi tahun 2016.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ berkat usaha-usaha yang dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ke arah mengurangkan kemalangan jalan raya dari pihak Kementerian Perhubungan telah berjaya menurunkan kadar kematian kemalangan jalan raya. Tetapi ini lebih fokus kepada kemalangan yang berkaitan dengan kereta. Buku *save and smart driving* dikeluarkan pada Januari 2015 oleh Kementerian Perhubungan memainkan peranan besar.

Saya difahamkan pada tahun 2015 ada beberapa program yang telah dilaksanakan termasuk *cycling clinic* untuk mengajar masyarakat tentang etika-etika semasa berbasikal di jalan raya.

Soalan kaola adakah ia masih dilaksanakan kerana semenjak kebelakangan ini senaman berbasikal ini sudah menjadi popular dalam kalangan masyarakat dan apakah usaha-usaha yang dibuat terhadap pengurangan bilangan kemalangan berbasikal ini.

Kaola ingin mencadangkan agar garis panduan berbasikal ini boleh dimasukkan dalam kurikulum kelas lesen memandu serta semasa menjalankan latihan semasa memandu secara praktikal seperti contoh mengajar sejauh mana jarak yang harus diberi ketika memotong pemandu basikal kerana dalam *save and smart driving Brunei Darussalam Book* tidak dinyatakan kadar jaraknya. Dengan cara ini pemandu-pemandu kereta boleh melihat dan memahami sendiri akan kepentingan etika-etika ini.

Cadangan kedua ialah untuk mengadakan papan-papan tanda di atas jalan raya terutama di lebuhraya dan jalan raya yang mempunyai banyak pemandu berbasikal dan memberi kesedaran kepada pemandu tentang jarak yang sesuai antara pemandu kereta dengan pemandu basikal.

Seterusnya kaola ingin menyentuh di bawah Tajuk SN06A- Jabatan Perkhidmatan Pos. Masa sudah tentu

berubah dan peningkatan pesat dalam komunikasi dalam elektronik pasti bermakna pengurangan dalam bilangan penggunaan persuratan secara tradisional. Maka segala aktiviti yang dilaksanakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Pos hendaklah direviu semula secara menyeluruh.

Jika dilihat perkhidmatan pos di negeri jiran mereka telah mengurangkan pergantungan perkhidmatan pos tradisional dan *embrace* pertumbuhan e-dagang dan berkongsi dengan syarikat-syarikat besar sebagai rakan strategik. Berdasarkan dari kajian *South East Asia* akan menjadi dunia yang paling pesat bagi perdagangan e-dagang. Pihak kementerian hendaklah mengambil tindakan, cepat seperti Yang Berhormat menyebut dalam mukadimah Berkarih, Berjarah dan Belurih.

Kalau dilihat dari *business strategi post office* juga dapat menyediakan penyelesaian perniagaan iaitu *to provide business solution* seperti *e-commerce solution, logistic solution, mail solution, marketing solution* serta dapat dijadikan *knowledge center* terutama sekali untuk mendapatkan maklumat mengenai pertumbuhan e-pasaran perdagangan dan potensi di sebuah negeri. Pos Ofis hendaklah mara ke hadapan *transform for tomorrow*.

Tahun lepas di Dewan yang mulia ini ada disentuh Yang Berhormat Menteri Perhubungan tentang penutupan 3 cawangan Jabatan Perkhidmatan Pos yang tidak mendatangkan hasil

dibandingkan dengan *operational cost* yang tinggi, apakah statusnya cawangan-cawangan ini? Seperti mana yang telah kaola tekankan mengenai perpustakaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kaola juga ingin menekankan mengenai dengan *list of operator TPP* bagi aset di bawah Pos Ofis Kementerian Perhubungan itu sebanyak 23 buah Pejabat Pos di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Apakah langkah-langkah strategik yang sedang dan akan diambil oleh pihak kementerian? Sekian disampaikan, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang mengemukakan 2 soalan iaitu:-

1. Mengenai keselamatan penunggang basikal di Negara Brunei Darussalam, khususnya memandangkan bahawa kegemaran menunggang basikal semakin meningkat di negara ini; dan
2. Mengenai perkembangan Pejabat Pos dalam suasana yang perkhidmatan pos semakin hebat persaingannya.

Mengenai keselamatan penunggang basikal, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini merupakan usaha yang berterusan dan nampaknya sejak Program Bandarku Ceria diadakan, minat untuk menunggang basikal ini semakin meningkat.

Seperti yang diterangkan awal-awal tadi, Yang Berhormat Pengerusi, idea

untuk menggunakan basikal sebagai *alternative transportation* untuk ke tempat bekerja telah dibangkitkan dan kaola sendiri merasa perkara ini harus diambil dengan cara berhati-hati memandangkan kepada infrastruktur dan sistem lalu lintas yang ada di negara ini belum menumpukan perhatian kepada pengguna-pengguna basikal dan sedang dalam perangkaan selaras dengan usaha Kementerian Perhubungan untuk meningkatkan perkhidmatan bas di negara ini.

Kaola setuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat tadi, tentang beberapa usaha yang boleh diambil untuk meningkatkan keselamatan di jalan raya seperti yang kaola terangkan, pada masa ini Jabatan Pengangkutan Darat sedang berusaha untuk melancarkan Kempen *Sharing The Roads* untuk menerangkan kepada orang ramai mengenai peranan berbasikal dan juga peranan pemandu-pemandu kenderaan di jalan raya, bagaimana mereka akan dapat memainkan peranan masing-masing untuk memastikan keselamatan kedua belah pihak. Idea untuk mencadangkan papan tanda dan memasukkan garis panduan mengenai *Bicycle Safety* dalam lesen memandu merupakan satu cadangan yang baik perkara itu akan dilaksanakan.

Mengenai Pejabat Perkhidmatan Pos. Terima kasih atas cadangan yang diberikan. Ini merupakan satu isu yang sangat mencabar bagi Kementerian Perhubungan memandangkan kepada penjualan setem dan menurunnya penghantaran surat-surat di negara ini.

Namun demikian, ada *trend* baharu iaitu penghantaran bungkusan juga meningkat dan *e-commerce* sistem penjualan *online* juga meningkat. Dalam keadaan ini, sejak beberapa tahun dahulu pun, Kementerian Perhubungan menyedari mengenai *trend* ini, maka telah dibangunkan satu bangunan Pejabat Pos baharu yang agak besar di Mumong dan menyediakan infrastruktur untuk memberikan fasiliti penghantaran bungkusan-bungkusan dari sana sebagai fasiliti untuk *e-commerce*.

Ini bergantung juga pada pihak *private sectors*, sejauh mana mereka ingin menjual barangan mereka itu melalui *online* dan sejauh mana Jabatan Perkhidmatan Pos boleh memberikan kemudahan-kemudahan penghantaran kepada penjual-penjual berkenaan, maka ia menjadi satu cabaran kepada Jabatan Perkhidmatan Pos seperti:-

1. Memastikan bahawa operasi Jabatan Perkhidmatan Pos ialah *cost effective*. Ini melibatkan penutupan beberapa buah cawangan dan kalau tidak silap, yang disebutkan tadi melibatkan satu cawangan di Kiulap, di *Mall* dan juga di *BSP*. Ketiga-tiga tempat ini telah pun ditutup dan tanpa mendatangkan sebarang kesan kepada pihak pengguna atau pihak yang menerima perkhidmatan tersebut.

Ada beberapa tempat lagi fasiliti yang ada kepunyaan Pejabat Pos sendiri digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti di Pejabat Pos di Lumut, ditempatkan sebuah perpustakaan

dari Dewan Bahasa dan Pustaka dan di Daerah Kuala Belait akan dicantumkan dengan Jabatan Pengangkutan Darat dan kawasan yang tersedia untuk keperluan *e-commerce*, masih ada di daerah tersebut. Mana-mana pihak yang ingin menggunakan perkhidmatan pos untuk melancarkan penjualan *online* dapat menggunakan fasiliti berkenaan.

Pada keseluruhannya, kita memang peka mengenai perkembangan ini, Yang Berhormat Pengerusi. Satu lagi yang harus ada ialah mengenai *payment system*. Perkara ini telah pun dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya diadakan satu sistem pembayaran terutamanya untuk pembelian barang-barang dari Negara Brunei Darussalam untuk memudahkan pihak-pihak dari luar negara untuk membuat pembayaran ke negara ini. Tetapi bagi pembelian barangan dari luar negara, itu sudah mudah melalui *payment gateway* yang disediakan. *Payment gateway* untuk pembelian dari Negara Brunei Darussalam telah pun difikirkan terutama sekali melibatkan bank-bank tertentu di negara ini.

Itu sahaja yang dapat kaola terangkan, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi  
binti Abdul Haadi:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. اَلسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ dan salam sejahtera.

Lebih dahulu, terima kasih atas mukadimah dan segala keterangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Di bawah Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perhubungan yang baru melancarkan pelan *Blueprint for Vision 2035 - Sustainable and Inclusive Land Transport System for Brunei Darussalam*, dan juga pengakuan yang jujur tentang cabaran-cabaran yang dihadapi terhadap sistem pengangkutan masa kini. Menambah dengan kadar *population growth rate* yang makin rendah, kita tahu bahawa ia akan mengambil masa yang lama sehingga kita mempunyai penduduk yang ramai diperlukan untuk *economies of scale* atau *economic sustainability*.

Di tengah-tengah cabaran itu dan kemapanan ekonomi, mungkin kita perlu memikirkan untuk meluaskan *service* sistem pengangkutan untuk pergi di luar sempadan negara, untuk kemapanan ekonomi yang lebih baik, seperti juga negara ini ingin di bawah tujuan *Connectivity Blueprint BIMP-EAGA*.

Bayangkan jika pada masa akan datang, terdapat kemungkinan infrastruktur *railway* seperti contoh dari Kimanis, Sabah melalui Negara Brunei Darussalam

sehingga ke Bintulu, Sarawak. Senarai seperti ini mungkin dijalankan dengan perjanjian rentas sempadan dua hala antara negara. Sebagai contoh kos analisis yang amat *simplistic*, senarai infrastruktur *railway* dari bandar-bandar ini dengan *population coverage* dalam 3 juta hingga ke 4 juta penduduk. Jarak bandar tersebut dalam 650 kilometer dengan anggaran kos pelaburan dalam \$6.5 bilion.

Jika terdapat purata bilangan penumpang hanya 1.5 juta pengguna dari penduduk kawasan pengangkutan ini dan kos perjalanan adalah \$5.00 setiap kali perjalanan dan setiap pengguna memakai kemudahan ini dalam 20 kali perjalanan sebulan, akan menjana pendapatan sebanyak \$150 juta sebulan. Ini bermakna ada harapan untuk jumlah kos pelaburan dibalikkan dengan waktu yang *commercially viable*.

Kaola ingin bertanya, jikalau dari dasar Kementerian Perhubungan, dapatkah kemungkinan tersebut dibincangkan atau dikaji? Namun apa-apa kemungkinan itu memerlukan usaha dan semangat yang luar dari Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, apa yang kaola telah nyatakan ini diharap boleh dijadikan sebagai satu kemungkinan. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat mengenai satu pandangan yang begitu jauh terhadap pembangunan sistem pengangkutan

di Negara Brunei Darussalam dan menghubungkan negara ini dengan negara jiran dengan sistem pengangkutan yang lebih matang.

Dari segi pengangkutan bas, kita melihat dari segi bagaimana perkhidmatan bas ini bukan sahaja memberi kemudahan untuk mereka yang memerlukan sebagai alternatif *transportation* di negara ini, kita juga melihat bagaimana sistem itu boleh *sustainable* pada masa akan datang dan bagaimana sektor industri pengangkutan dapat dipermajukan. Semua ini akan bersandar kepada *the raider ship* yang ada ketika ini, dan *raider ship* bagi bas di Negara Brunei Darussalam sudah hampir mencapai 1.9 juta dan bayangkan ini baharu penggunaannya adalah merupakan pekerja-pekerja asing yang terpaksa turun naik 2 ke 3 kali dalam sehari ataupun barangkali dalam seminggu untuk menyara penghidupan mereka.

Tapi kalau kita mempunyai satu sistem yang lebih efisien, yang *reliable connectivity*nya ke tempat-tempat yang penting dan mustahak itu إِنْ شَاءَ اللَّهُ peningkatan *raider ship* dalam jangkaan Kementerian Perhubungan akan lebih meningkat ke 2 atau 3 kali ganda. Dalam pemikiran Kementerian Perhubungan *sustainabilitinya*, sistem pengangkutan yang dirancang ketika ini, kalau sekiranya mencapai kepada lebih 3.5 juta *raider ship* itu إِنْ شَاءَ اللَّهُ walaupun ia *break event* kita mempunyai sistem yang berkesan, efisien dan الْحَمْدُ لِلَّهِ kita akan dapat berusaha kepada memastikan bahawa sistem pengangkutan Negara Brunei

Darussalam adalah satu yang *sustainable* yang dapat didukung oleh kerajaan sendiri.

*Commuter Behaviour* di negara ini, ia merupakan satu perkara yang dirancang untuk dikaji iaitu sudah banyak pergerakan manusia antara daerah dari Daerah Belait ke Seria, dari Seria ke Tutong, dari Tutong ke Jerudong, dari Jerudong ke Bandar Seri Begawan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ dari Bandar Seri Begawan ke Muara dan dalam masa yang terdekat dari Bandar Seri Begawan ke Mentiri, dari Mentiri ke Daerah Temburong dan sebagainya sehingga melimpasi Daerah Temburong.

Ini merupakan satu *potential* bagi kita untuk meningkatkan sistem pengangkutan di negara ini, inilah cadangan-cadangan untuk menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan negara lain melalui *transportation yang multi modal*, sama ada dengan kereta, bas, feri dan sebagainya. Ini salah satu jua visi yang telah dicadangkan di peringkat *BIMP EAGA* yang melibatkan Sarawak, Brunei, Sabah, Belawan dan sebagainya.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya pergerakan manusia ini, *as they develop over the years* barangkali ia akan membuka peluang untuk kita mengadakan perkhidmatan *commuter, commuter services*, mungkin masa peringkat awal ini kita sediakan bas dan pada masa akan datang mungkin yang lebih canggih yang boleh membawa lebih ramai penumpang untuk membawa penumpang-penumpang dari Kuala

Belait, Seria ke Lumut, Tutong, Lumut ke Tutong dan sebagainya. Mudah-mudahan dengan ada kajian itu ada memberikan galakan untuk kita barangkali satu masa untuk memikirkan sistem pengangkutan yang lebih efisien.

Akhirnya inilah harapan Jabatan Pengangkutan Darat untuk lebih menumpukan perhatian kepada Sistem Pengangkutan Awam bukannya Sistem Pengangkutan Persendirian. Sistem Pengangkutan Persendirian itu kalau boleh *as simple as possible*, beli kereta *you pay every year you comply to the regulations* itu الْحَمْدُ لِلَّهِ tidak berapa mengambil masa ataupun *resources* dari Jabatan Pengangkutan Darat.

Tapi kita mahu lebih menumpukan kepada pengangkutan awam sebagai satu sektor yang dapat kita galakan pada masa akan datang sebagai sumber pendapatan negara ini dan mudah-mudahan dengan adanya visi Yang Berhormat itu, dengan adanya keperluan untuk mencari peluang pekerjaan dan perdagangan dari satu tempat yang jauh ke satu tempat yang lain dan pergerakan manusia itu semakin meningkat sudah masanya untuk kita memikirkan sejauh mana kita harus mengadakan sistem yang lebih canggih. Tapi yang penting yang harus kita tekankan ialah *sustainability*. *Sustainability* itu hanya akan dapat dicapai dengan adanya sistem yang *reliable* yang ada *connectivity* menuju ke tempat-tempat yang penting untuk berjual beli untuk menyara penghidupan dan sebagainya, bukannya sistem dari

satu daerah ke satu daerah sahaja tidak mencapai ke tempat-tempat yang dituju.

Itu, makanya ditekankan perlu ada *connectivity* dan perlu ada *reliability* untuk memajukan sektor pengangkutan awam. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar penjelasan-penjelasan dan keterangan-keterangan yang begitu cukup jelas yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan dalam menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya kita telah pun berbincang hampir sehari suntuk mengenai Belanjawan Kementerian Perhubungan ini.

Maka saya kira ada baiknya Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya ini sekarang kita undi sama ada diluluskan ataupun sebaliknya. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Belanjawan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Nampaknya semua bersetuju dan tidak ada orang menentang, maka Belanjawan Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan diluluskan.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SP01A - Kemajuan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini sekarang membincangkan Tajuk SP01A - Kemajuan. Walau bagaimanapun, sebelum saya membuka Tajuk SP01A - Kemajuan ini untuk dibahaskan, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) ingin menyampaikan penerangan pendahulunya ataupun mukadimah tentang Belanjawan Kemajuan yang telah disediakan ini. Saya persilakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 merupakan Rancangan Kemajuan Negara yang kedua yang digubal berasaskan kepada matlamat Wawasan Brunei 2035.

الْحَمْدُ لِلَّهِ melalui pelaksanaan Program dan Projek RKN ini beberapa asas infrastruktur dan kemudahan telah

dilaksanakan bagi mendukung dasar pemelbagaian ekonomi dan sumber hasil negara. Ia bukan sahaja membuka ruang bagi perkembangan sektor swasta termasuk perusahaan mikro kecil dan sederhana dan dapat mendukung inisiatif *Ease Of Doing Business (EODB)* bahkan juga kita dapat melihat perubahan minda yang amat membanggakan dengan kewujudan usahawan-usahawan baharu di kalangan belia-belia tempatan yang menawarkan produk dan pekhidmatan yang menyumbang kepada perkembangan aktiviti perekonomian negara.

Pelaksanaan projek-projek RKN juga telah mendapat sokongan yang berterusan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi RKN10 yang telah berangkat mengadakan lawatan ke tapak-tapak projek RKN dari semasa ke semasa bagi meninjau secara dekat dan memastikan pelaksanaan projek-projek di bawah RKN berjalan dengan lancar dan teratur menurut perancangan waktu, peruntukan serta keutamaan-keutamaan yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Pengerusi, seperti mana jua penerangan yang pernah kaola sampaikan semasa pembentangan Rang Belanjawan Tahun Kewangan 2017/2018 beberapa hari yang lepas dengan mengambil kira prospek ekonomi global yang sukar dijangkakan, Perbelanjaan RKN bagi Tahun Kewangan 2017/2018 dirangka bagi mendukung fokus dan



keutamaan Belanjawan berdasarkan tema belanjawan iaitu "Belanjawan Seimbang bagi mendukung pertumbuhan ekonomi yang mapan (*sustainable*)"

Pengagihan peruntukan ditumpukan kepada komitmen projek-projek yang telah siap tetapi masih ada tanggungan dan projek dalam pelaksanaan. Manakala projek-projek yang dalam proses tawaran, reka bentuk dan perancangan hanya diberikan keutamaan kepada yang mendukung fokus Belanjawan Negara. Mengambil kira keutamaan-keutamaan dan fokus belanjawan yang telah ditetapkan, anggaran Perbelanjaan Kemajuan bagi Rancangan Kemajuan Negara 2017/2018 dicadangkan keseluruhannya sebanyak B\$1,000 juta. Dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

1. Projek-projek siap disediakan peruntukan sebanyak \$248,146,872,00 (24.8%);
2. Projek dalam pelaksanaan disediakan sebanyak \$734,362,528 (73.4%); dan
3. Manakala projek dalam peringkat tawaran; projek dalam reka bentuk dan projek yang masih dalam perancangan akan disediakan sebanyak kira-kira 1.7% dari keseluruhan peruntukan.

Secara keseluruhannya pengagihan peruntukan mengikut beberapa sektor utama adalah seperti berikut:-

1. Sektor pengangkutan dan perhubungan disediakan peruntukan terbesar sebanyak 37.6%;
2. Sektor Rampaian iaitu bagi membiayai perbelanjaan projek-projek yang sudah siap tetapi mempunyai tanggungan disediakan sebanyak 24.8%;
3. Sektor Perindustrian dan Perdagangan diperuntukkan sebanyak 19.0%;
4. Sektor Perkhidmatan Sosial disediakan sebanyak \$98,058,000 (9.8%);
5. Sektor Penggunaan Awam diperuntukkan sejumlah 6.4%;
6. Sektor Sains & Teknologi Maklumat, Penyelidikan dan Pembangunan Inovasi diperuntukkan sebanyak 1.0%;
7. Sektor Keselamatan pula disediakan sejumlah \$10,400,000, atapun 1%; dan
8. Sektor Bangunan Awam pula disediakan sejumlah 0.3%.

Sebagai perkongsian maklumat sahaja, kaola ingin memaklumkan bahawa dari 567 projek atau program yang terdapat dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10, 416 projek atapun 73.5% telah siap, 75 projek atau 13.2% sedang dalam pelaksanaan, 41 projek atapun 7.2% dalam tawaran. Manakala

35 projek ataupun 6% masih di peringkat reka bentuk dan perancangan.

Sehingga 28 Februari 2017, perbelanjaan sebenar RKN 2016/2017 berjumlah \$631.98 juta iaitu 90.3% dari peruntukan asal \$700 juta yang telah disediakan. Jumlah ini menjadikan Perbelanjaan RKN 10 setakat ini sebanyak \$5,337.16 juta.

Bagi memastikan projek-projek RKN dilaksanakan mengikut jadual dan peruntukan yang diluluskan, pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri akan terus membuat pemantauan rapat dan melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:-

1. Membuat lawatan ke tapak-tapak projek secara kerap di samping membuat lawatan menjejut;
2. Memastikan pembayaran dilaksanakan mengikut perjanjian kontrak;
3. Memastikan setiap kementerian membuat perancangan rapi dan mengikut skop asal dan jadual;
4. Memastikan skop kerja memenuhi '*functionality*' dan tidak berlebihan ataupun *overspecification*;
5. Menyediakan sistem pemantauan projek dan pembayaran yang lebih berkesan; dan
6. Menggunakan RKN *Project Management System* dan penyediaan

garis panduan dalam penetapan kadar purata bagi kos pembinaan bangunan-bangunan kerajaan atau projek-projek kerajaan dan kaedah *Cost Benefit Analysis* dan *Needs Analysis* dalam penilaian projek.

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi akan berterusan meneliti kesesuaian projek-projek yang dirancang dalam menyumbang secara *sustainable* dan berkesan kepada pertumbuhan sosioekonomi negara, di samping mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian antara lainnya seperti yang berikut:-

1. Memastikan setiap projek/pembelian yang dilaksanakan hendaklah berdasarkan peruntukan tahunan yang telah disediakan. Mana-mana projek yang tiada peruntukan, tidak akan ditawarkan kecuali pengesahan peruntukan yang mencukupi telah diperolehi;
2. Memastikan keperluan projek-projek yang akan dilaksanakan dinilai dari segi keperluan sebenar, keutamaan dan hasil yang akan diperolehi dari projek-projek yang dicadangkan;
3. Memastikan baki peruntukan bagi projek yang telah siap dilaksanakan tidak digunakan sewenang-wenangnya kerana ia adalah penjimatan kepada kerajaan;
4. Memastikan sebahagian bayaran kemajuan projek-projek untuk dipindah ke akaun wang tahanan di Jabatan Perbendaharaan bagi

memastikan bayaran *retention money* dapat dilaksanakan setelah projek siap nanti;

5. Memastikan proses bayaran adalah cekap dan teratur dengan menepati Tekad Pemedulian Orang Ramai yang telah ditetapkan; dan
6. Berterusan meneliti keperluan projek-projek yang dirancang agar mana-mana projek yang tidak diperlukan dan tidak berkeutamaan ditiadakan bagi memberi laluan kepada projek-projek baharu yang lebih utama dan berkualiti bagi mendukung Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekianlah yang dapat kaola sampaikan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** apa jua persoalan spesifik yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek kemajuan ini, ia sudah setentunya akan diperjelaskan oleh rakan-rakan sejawatan kaola selaku agensi-agensi yang bertanggungjawab melaksanakan projek-projek kementerian masing-masing.

Seperti yang telah kaola nyatakan semasa pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2017/2018, mulai 1 April 2017 ini perbelanjaan biasa (*ordinary expenditure*) akan digabungkan dengan Perbelanjaan Kemajuan. Projek-projek kemajuan ini telah pun dimasukkan dalam belanjawan kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan yang telah pun kita bincangkan dari semasa ke semasa apabila kita membincangkan kementerian-kementerian berkenaan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, maka saya ingin mencadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 20 Mac 2017 seperti biasa pukul 9.00 pagi, sekian

وبالله التوفيق والهداية التَّسَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**